



MEMO

Daripada : Kartin Haslinda Che Mat
Pengurus, PACS

Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah, MPC

Melalui : Encik Rosmi Abdullah
Pengarah, PACS

Tarikh : 18 November 2020

PERKARA : KELULUSAN URUSAN PEROLEHAN SELEPAS TARIKH AKHIR PENGHANTARAN RO KE UNIT PEROLEHAN MPC

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', unit PACS yang ditugaskan untuk mengurus program SPPE-MPB telah menerima beberapa permohonan baharu (bulan Oktober-November) untuk menyertai Program SPPE-MPB bagi tahun 2020.

3. Walau bagaimana pun, permohonan ini perlu melalui peringkat untuk semakan kelayakan oleh JK Teknikal dan kelulusan dari JK Pemandu sebelum ditawarkan menyertai program ini. Ada juga kes di mana permohonan penyertaan telah dibuat melalui MPC Partners dan perlu melalui proses sebut harga MPC sebelum boleh ditawarkan berikutan melibatkan beberapa syarikat di bawah satu MPC Partners.

4. Senarai syarikat yang baharu mendapat tawaran menyertai SPPE-MPB adalah seperti berikut:

- a) Syarikat Che Nor Food Solution Sdn Bhd – perunding (Itex Training)
- b) Syarikat Al-Deens Food Sdn Bhd – perunding (Salam Consultancy)
- c) Syarikat Puregen Technology Sdn Bhd – perunding (Hijrah Synergy)

5. Oleh itu, pihak kami memohon pertimbangan dari YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan semula RO bagi pembayaran perunding yang dilantik berikutan permohonan RO ini terpaksa dibuat selepas tarikh akhir penghantaran RO kepada Unit Perolehan iaitu 15 November 2020.

6. Kami terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih atas pertimbangan yang diberikan dan akan memastikan perkara ini dapat dielakan pada masa hadapan.

*Apakah
utk e lab
bawanya?
Hij
25/11*

Sekian, terima kasih.

"Berkhidmat Untuk Negara"
"Memacu Produktiviti Negara"

Saya yang menjalankan amanah,

Disediakan oleh:



.....
(KARTINA HASLINDA CHE MAT)

Pengurus

Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh: 18 November 2020

Disokong oleh:



.....
(ROSMI ABDULLAH)


Pengarah

Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh: 18 November 2020

Diluluskan/Tidak Diluluskan



.....
(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh: 25/11/20